

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN ASRAMA / HOSTEL

Bil.	Perkara
1.	Semua jenis kediaman, rumah kedai dan kedai pejabat boleh dijadikan asrama pekerja dengan syarat mendapat sokongan jiran dan kelulusan pihak majlis.
2.	Menyediakan papan tanda yang mencatatkan 'Asrama Pekerja' nama kilang dan nombor telefon.
3.	Kesesakan tidak kurang daripada 350 kaki padu ruang bilik bagi seorang. Satu unit kediaman yang mempunyai 3 bilik tidur dan ruang tetamu boleh dibenarkan maksima 16 orang sahaja.
4.	Aktiviti memasak dilarang di dalam bilik kecuali di dapur sahaja.
5.	Mempunyai 10 % pembukaan pengudaraan semulajadi berdasarkan luas lantai atau menyediakan 'Mechanical Ventilation'.
6.	Menyediakan tong sampah dan membuangnya mengikut peraturan majlis.
7.	Seluruh premis hendaklah sentiasa bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu.
8.	Mengadakan kemudahan mencuci pakaian dan tempat jemuran.
9.	Menyediakan pekerja yang terlatih mengendalikan dan menyediakan peti rawatan kecemasan.
10.	Penghuni asrama diasingkan mengikut jantina.
11.	Menyediakan pekerja pembersih asrama atau memastikan pekerja dan menjaga kebersihan dan menyediakan jadual pembersihan.
12.	Memastikan kebersihan tandas bangunan dan persekitaran dengan sempurna setiap masa.
13.	Mempamerkan permit dan nama pekerja di pintu masuk.
14.	Tidak dibenarkan pemeliharaan haiwan.
15.	Dilarang membuat bising.
16.	Pihak kilang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan masalah yang dihadapi atau yang ditimbulkan oleh pekerja kilang.